

Golongan belia jangan leka - PM

KUALA LUMPUR 15 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa para belia agar meningkatkan daya saing untuk terus mencipta kejayaan dan kecemerlangan dalam pelbagai bidang.

Perdana Menteri berkata, golongan belia yang menjadi aset terpenting negara tidak seharusnya leka dan berhenti berusaha apabila mencapai sesuatu kecemerlangan.

Sebaliknya, tegas beliau, kecemerlangan itu harus dipertahankan agar negara terus kekal berada di hadapan.

"Kita tidak mahu Malaysia kekal sebagai negara membangun sahaja sedangkan cabaran era globalisasi adalah hebat yang memerlukan kita mempunyai daya saing tinggi dan pendedahan ilmu bagi menghadapinya.

"Jika tidak bersedia, kita tidak boleh bersaing dengan negara seperti India, Thailand, Singapura dan China yang membangun begitu cepat," katanya.

Abdullah berkata demikian ketika berucap merasmikan Perhimpunan Hari Belia Negara 2004, di Stadium Putra, Bukit Jalil, di sini hari ini.

gati Persatuan belia institusi pengajian tinggi awam dan swasta menghadiri sambutan yang bertemakan Belia Cemerlang, Bangsa Gemilang, Negara Terbilang itu.

Hadirsamaialah Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo dan beberapa menteri Kabinet.

Perdana Menteri menegaskan, belia boleh mencipta kecemerlangan dan kemasyhuran negara dalam pelbagai bidang seperti sukan, pendidikan dan kepimpinan,

Pada masa yang sama, beliau juga mengingatkan para belia agar terus berpegang kepada nilai-nilai murni dan disiplin yang tinggi.

Perdana Menteri berkata, belia perlu mengorak kecemerlangan negara dengan kelebihan dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.

"Jika tidak boleh capai kejayaan dengan kelebihan kita, pasti kita akan berada di tahap yang lama," ujarnya.

Beliau memberitahu, kerajaan

sentiasa berusaha mengadakan segala kemudahan kepada belia dalam pelbagai bidang.

"Kerajaan mahu golongan ini menjadi bangga dan seronok menjadi belia di Malaysia kerana mereka sentiasa diberikan peluang dan kemudahan untuk mengorak kejayaan," katanya.

Abdullah menarik perhatian bahawa Wawasan 2020 yang perlu dicapai matlamatnya dalam beberapa tahun lagi akan menjadikan golongan belia berada di barisan hadapan.

"Maka nanti golongan pegawai-pegawai muda akan berada dalam kerajaan, swasta dan perniagaan," katanya.

Golongan muda itu, katanya, akan menjadi kumpulan pembuat dasar dan keputusan.

"Kualiti keputusan atau dasar yang dibuat oleh pemimpin muda ini akan menjadi penentu sama ada negara kita akan terus maju atau kebelakang," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap, golongan belia di negara ini tidak mengecewakan para pemimpin sekarang dan terdahulu untuk terus berjuang meletakkan kecemerlangan negara di tahap dunia.



ABDULLAH AHMAD BADAWI sambil diperhatikan Mohamad Khir Toyo mendengar dengan penuh minat penjelasan Azalina Othman Said mengenai tanjak yang diterimanya setelah dianugerahkan Bapa Pembangunan Belia pada perhimpunan Hari Belia Negara di Stadium Putra, Bukit Jalil, di Kuala Lumpur, semalam. - Gambar ABD. RAHMAN SALEH